

ANALISIS WATAK DAN PERWATAKAN MELALUI TARBIAH ISLAMIAH DALAM NOVEL SARJANA BANGSA KARYA HASANUDDIN MD ISA

ANALYSIS OF CHARACTERS AND CHARACTERISTICS THROUGH TARBIAH ISLAMIAH (ISLAMIC EDUCATION) IN SARJANA BANGSA'S NOVEL BY HASANUDDIN MD ISA

Muhammad Haziq Noor Affandi¹

Izra Inna Hj Md Idris²

Siti Normala Hamzah³

¹Penulisan Kreatif, Pengajian Seni Liberal, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Malaysia (2021620004@student.uitm.edu.my)

²Penulisan Kreatif, Pengajian Seni Liberal, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Malaysia (izrainna@uitm.edu.my)

³Penulisan Kreatif, Pengajian Seni Liberal, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Malaysia, Corresponding Author (normalahamzah@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 19-9-2023
Revised date : 25-9-2023
Accepted date : 29-10-2023
Published date : 14-11-2023

To cite this document:

Noor Affandi, M. H., Md Idris, I. I., & Hamzah, S. N. (2023). Analisis Watak Dan Perwatakan Melalui Tarbiah Islamiah Dalam Novel Sarjana Bangsa Karya Hasanuddin Md Isa. *Journal of islamic, social, economics and Development (JISED)*, 8 (58), 202 – 214.

Abstrak: Kajian ini meneliti watak dan perwatakan dalam novel *Sarjana Bangsa* karya Hasanuddin Md Isa melalui konsep tarbiah Islamiah. Tarbiah Islamiah membawa maksud penjagaan, pengasuhan, dan pendidikan yang berteraskan al-Quran dan as-sunnah. Salah satu unsur yang penting dalam struktur penulisan adalah watak dan perwatakan. Pengembangan naratif penceritaan dalam novel bergantung kepada watak yang membawa pembaca meneroka dan mengembara dalam cerita tersebut. Novel *Sarjana Bangsa* ini bertemakan masyarakat Melayu yang mempunyai pemikiran dan ilmu yang tinggi dalam memperjuangkan tamadun bangsa Melayu berteraskan ajaran Islam. Antara isu yang menyebabkan kemunduran bangsa Melayu antaranya krisis dan pemikiran bangsa Melayu yang terbelenggu dan terhakis kerana tidak berlandaskan ajaran al-Quran dan as-sunnah. Novel ini mengisahkan Profesor Dr Muhammad Isyraf Eilmy, seorang seorang pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang pendidikan, politik, pemerintahan dan sosiobudaya serta bijak berhujah, telah berjaya mengislamkan Papa Lee dan membawa gagasan penyatuan kaum bertunjangan tauhid. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti paparan watak dan perwatakan serta menganalisis konsep tarbiah Islamiah dalam novel *Sarjana Bangsa*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan memfokuskan kepada analisis tekstual dalam novel tersebut. Dapatan kajian memperlihatkan enam daripada lapan konsep tarbiah Islamiah, iaitu tarbiah imaniyyah, tarbiah ruhiyyah tarbiah akhlak, tarbiah akal, tarbiah politik, dan tarbiah akidah yang dibawa oleh keempat-empat watak dalam novel tersebut, iaitu Dr Muhammad Isyraf Eilmy, Cikgu Hassan, Papa Lee dan Mak Normah.

Diharapkan lebih banyak kajian pemaparan watak dalam novel yang berteraskan Islam untuk mengangkat peradaban tamadun bangsa Melayu-Islam yang unggul.

Kata kunci: *Watak, Perwatakan, Tarbiah Islamiah, Novel, Sarjana Bangsa*

Abstract: *This study is focused on character and characterization through tarbiah Islamiah in the novel Sarjana Bangsa by Hasanuddin Md Isa. Tarbiah Islamiah means cares, nurture and educating through al-Quran and as-sunnah. The most of important in writing structure is the character and characterization. The narrative of the story is the most important element in the novel to bring up the character and characterization for the readers to explore the story detailed. Other than that, novel Sarjana Bangsa themed is about Malay society that have intelligent mind and highest knowledge to rise the Islamic civilization through Islamic teachings. One of the main causes destructions of Malay society is crisis of thinking in Malay society may shackled if they not referred to al-Quran and as-sunnah. This novel is about Dr Muhammad Isyraf Eilmy, a lecturer of Universiti Kebangsaan Malaysia who have a brilliant intelligent thinking of mind in education, politics, and really good in debate competition. He is also convinced Papa Lee to revert into Islam and was succeed with his tarbiah. Next, the objective of this study is to identify the character and characterization and analyze the concept of tarbiah Islamiah through character and characterization in the novel Sarjana Bangsa. This study uses textual analysis and the results of the study focused on six out of eight tarbiah Islamiah (Islamic education) that are tarbiah imaniyyah (faith education), tarbiah ruhiyyah (spiritual education), tarbiah akhlak (moral education), tarbiah akal (intellectual education), tarbiah politik (political education), and tarbiah akidah (knowledge education) carried by four characters in the novel, which are Dr Muhammad Isyraf Eilmy, Cikgu Hassan, Papa Lee and Mak Normah. It is hoped that more studies on portrayal of characters in Islamic-based novels to elevate the civilization of Malay-Muslim nation.*

Keywords: *Characters, Characterization, Tarbiah Islamiah, Novel, Sarjana Bangsa*

Pengenalan

Kajian ini membincangkan watak dan perwatakan melalui konsep Tarbiah Islamiah dalam novel *Sarjana Bangsa*. Novel *Sarjana Bangsa* merupakan sebuah novel yang sarat dengan wacana, perbincangan, fakta, dan pemikiran yang bersifat keilmuan. Novel ini mengisahkan seorang pensyarah graduan PhD, Muhammad Isyraf Eilmy yang merupakan cendekiawan dalam merangsang semangat kebangkitan bangsa Melayu bagi menyebarkan ilmu keislaman yang bertunjangkan ilmu tauhid. Selain itu, watak utama ini mempunyai semangat dalam penyampaian dakwah secara komprehensif sehingga dapat mematahkan keberantungan masyarakat kepada ilmu barat.

Watak merupakan tunjang utama jalan cerita kepada sebuah filem, novel dan sebagainya. Watak berperanan untuk menghidupkan jalan cerita atau peristiwa yang berlaku sepanjang cerita atau kisah yang cuba disampaikan. Watak utama juga merupakan pendukung cerita dan mengembangkan suatu naratif cerita atau novel. Menurut Fakhuddin Mohd Tahir *et al.* (2018), istilah watak bermaksud mencerminkan nilai yang membentuk akhlak baik seseorang. Oleh hal demikian, setiap tingkah laku atau perubahan manusia dapat dibentuk melalui perlakuan jiwa dari segi dalaman. Selain itu, terdapat beberapa watak yang terdiri dalam kisah atau cerita, iaitu watak utama, watak sampingan, watak pipih, dan watak lepeh dalam sesebuah penceritaan (Fakhuddin Mohd Tahir *et al.*, 2018). Watak utama berfungsi sebagai watak yang penting dalam sebuah cerita atau novel dan watak ini berfungsi sebagai penggerak cerita oleh pengarang.

Seterusnya, watak antagonis merupakan watak yang dikategorikan sebagai watak yang menimbulkan masalah dan konflik dalam cerita dan juga watak yang menentang watak protagonis untuk mencapai suatu tujuan. Watak sampingan pula merupakan watak sokongan dalam cerita atau novel dan bertujuan untuk menyokong segala tindakan watak utama atau protagonis selaras dengan watak yang dimainkan (Fakhuddin Mohd Tahir *et al.*, 2018).

Perwatakan merupakan kelakuan atau sifat yang ditunjukkan oleh individu dalam cerita. Pengertian perwatakan disimpulkan sebagai suatu sifat semulajadi akal pemikiran dan fizikal seseorang. Selain itu, pengertian perwatakan juga sebagai pemikiran serta tingkah laku seseorang yang mempunyai sifat berani, tabah, cecal dan sebagainya. Menurut Ain Matmoh *et al.* (2016), perwatakan bermaksud simbolik identiti yang menonjolkan sosio-budaya yang memberi makna dan nilai yang disampaikan. Selain itu, Munawir Ismail *et al.* (2021) menegaskan perwatakan manusia boleh dilihat secara jelas melalui zahir dan batin termasuk pemikiran, kepercayaan, sifat, dan tindakan. Namun, perwatakan itu akan terbentuk melalui disiplin *Fiqh al Ta'ayush* (ilmu hukum hakam) jika dapat diamalkan. Tambahan pula, nilai perwatakan juga akan berkembang luas jika pelakuan seseorang itu mempunyai sifat doktrin, ideologi, politik serta ekonomi (Munawir Ismail *et al.*, 2021).

Tarbiah Islamiah merupakan kesinambungan dalam pendidikan umat Islam yang mengukur aspek akidah dan akhlak seseorang (Zulazizi Mohd Nawawi, 2020). Oleh itu, konsep tarbiah Islamiah adalah satu teori, konsep, dan pengetahuan mengenai ajaran dan asuhan berteraskan Islam. Selain itu, tarbiah Islamiah perlu disemai dalam jiwa manusia supaya mereka dapat menggunakan akal fikiran, mengajak umat Islam menimba ilmu, dan mengenal kekuasaan Allah S.W.T dalam diri manusia. Seterusnya Khalid Mat (2011) menegaskan tarbiah dalam bahasa arab bermaksud pendidikan dalam kalangan manusia. Tarbiah juga merupakan proses mendidik masyarakat supaya mengaplikasikan pegangan serta panduan hidup (Khalid Mat, 2011). Mohd Suhairi dan Mohd Farid (2018), menyatakan tarbiah Islam merupakan elemen penting dalam pembentukan sahsiah diri seseorang. Hal ini kerana manusia dapat menghasilkan kejayaan menerusi kerohanian dan intelektual. Sehubungan dengan itu, aspek kerohanian sangat penting dalam proses pembangunan manusia kerana dapat membentuk tingkah laku seseorang, tindakan dan keputusan dengan penyucian jiwa yang termaktub dalam al-Quran (Mohd Suhairi & Mohd Farid, 2018). Selain itu, tarbiah juga berfungsi sebagai satu bentuk didikan dan ajaran yang berteraskan ajaran Islam supaya dapat mempengaruhi jiwa manusia agar mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Namun sedemikian, pembangunan spiritual merupakan tunjang utama dalam aspek pendidikan supaya melahirkan manusia atau generasi yang mempunyai pegangan agama yang kukuh (Mohd Suhairi & Mohd Farid, 2018).

Bangsa didefinisikan sebagai rakyat dalam sesebuah negara yang beridentitikan kewarganegaraan. Menurut Khairul Meerangani *et al.* (2021) mendefinisikan bahawa pembentukan bangsa merupakan tunjang utama dalam ketamadunan bagi masyarakat Melayu. Selain itu, pembentukan bangsa juga dapat melahirkan masyarakat yang berpendidikan, lahiriah dan intelektual dalam sebuah negara. Usaha kerajaan dalam merealisasikan pembentukan negara bangsa ialah dengan memperkenalkan konsep 'Kesatuan dalam Kepelbagaian' agar dapat memupuk pelbagai kaum serta menjamin kedamaian sebuah negara (Khairul Meerangani *et al.*, 2021). Dengan mengamalkan konsep ini, dapat mewujudkan masyarakat yang prihatin dalam penyatuan bangsa. Selain itu, pembinaan keutuhan bangsa bersifat rasional dapat mengukuhkan kesepaduan kaum di negara ini serta dapat memajukan industri. Oleh hal ini demikian, perkara ini tidak akan berlaku tanpa kesepakatan dan pengukuhan jalinan antara masyarakat majmuk itu sendiri (Khairul Meerangani *et al.*, 2021). Nisar Ahmad (2020) pula

menyatakan bangsa Melayu itu adalah jalinan antara Melayu-Islam serta hubungan yang baik antara keduanya. Bangsa Melayu-Islam juga berpandukan kepada agama bahkan lebih fokus kepada adat istiadat dan budaya Melayu (Nisar Ahmad, 2020).

Kajian ini meneliti watak dan perwatakan dalam novel *Sarjana Bangsa* karya Hasanuddin Md Isa seorang penulis prolific dalam bidangnya. Novel ini bertemakan masyarakat Melayu yang perlu didikan berteraskan ajaran Islam. Maka lahir watak yang mempunyai pemikiran ilmu yang tinggi dalam memperjuangkan tamadun bangsa Melayu. Profesor Dr. Muhammad Isyraf Eilmy merupakan pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia yang memberi ajaran dan tarbiah kepada masyarakat. Dr Isyraf Eilmy merupakan seorang yang mempunyai pendirian yang teguh dalam usaha mendakwah manusia mendalami agama Islam. Dr Isyraf telah berjaya mendakwah Papa Lee Kam Seng dan keluarganya untuk memeluk agama Islam walaupun pada mulanya Papa Lee menolak dan berdebat perihal isu agama, politik dan budaya. Selain itu, novel ini menekankan mengenai ilmu agama Islam dalam membangunkan tamadun bangsa Melayu. Oleh itu, masyarakat Melayu perlu memiliki dan menghayati ajaran Islam supaya dapat mengekalkan kemajuan bangsa Melayu. Antara watak utama dan watak sampingan dalam novel tersebut ialah Profesor Dr Muhammad Isyraf Eilmy, Cikgu Hassan, Papa Lee Kam Seng dan Mak Normah.

Pada masa kini, dapat dilihat pembangunan serta pendidikan khususnya bangsa Melayu semakin terpinggir dan ketinggalan sejak era modenisasi ini. Oleh itu, institusi pendidikan Islam di Malaysia perlu dititikberatkan agar kedudukan politik dan budaya tidak terancam pada masa akan datang. Menurut Razak Ahmad (2021), pembentukan tradisi pembudayaan ilmu dapat diterapkan dalam jiwa masyarakat jikalau tidak dipengaruhi oleh budaya barat. Di samping itu, pada abad awal era 50an jajahan British kurang memberi perhatian kepada bangsa Melayu dari aspek pendidikan. Dalam dasar pecah perintah British, bangsa Melayu telah diletakkan di kawasan kampung untuk pertanian manakala bangsa Cina diletakkan di bandar dan menguruskan sektor perniagaan serta bangsa India ditempatkan di ladang kelapa sawit (Mohd Faris Dziauddin *et al.*, 2016). Selain itu, krisis dan kemunduran bangsa Melayu di negara ini semakin terhakis. Menurut Razak Ahmad (2021), kemunduran bangsa Melayu adalah disebabkan kurang ilmu pengetahuan yang membawa kepada permasalahan moral. Beliau menegaskan bahawa faktor kemiskinan dan pendidikan merupakan tunjang utama bangsa Melayu mundur. Seterusnya, terdapat dua isu menyebabkan kemunduran bangsa Melayu yang membawa kepada krisis pemikiran bangsa Melayu, iaitu pertama, institusi agama Islam semakin terhakis kerana tidak berlandaskan al-Quran dan as-sunnah. Manakala, permasalahan kedua bangsa Melayu tidak mengambil iktibar dari sejarah dan tidak berteraskan ilmu malahan mengabaikan kitab-kitab yang sedia ada.

Di samping itu, kelahiran generasi muda amat penting kepada sesebuah negara kerana mereka merupakan pelopor tunjang atau elemen pembangunan negara. Menurut Aizan Ali dan Murni Buchik (2017), remaja Islam merupakan identiti yang selaras dengan ketamadunan bangsa. Kejayaan sebuah negara adalah bergantung kepada percambahan ilmu yang tinggi perlu diwarisi oleh pemimpin atau ilmuwan agar dapat memimpin golongan Melayu-Islam ke arah kejayaan sebuah tamadun. Tambahan pula, remaja muslim adalah aset kepada pembangunan negara kerana mereka adalah pencorak masa hadapan (Aizan Ali & Murni Buchik, 2017). Oleh itu, pembentukan identiti diri dapat dilihat sebagai pengukur melambangkan identiti Islam. Oleh hal demikian, novel ini berteraskan nilai ilmu serta bertunjangan ilmu tauhid dan memaparkan watak yang bermoral agama untuk membuka minda masyarakat Melayu-Islam yang ketinggalan dan tidak berpengetahuan Islam.

Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk membuktikan walaupun bangsa Melayu-Islam mempunyai kemunduran pemikiran dan berperadaban dalam tamadun Melayu, namun paparan watak-watak yang berteraskan Islam dalam novel ini dapat mengangkat tamadun Melayu-Islam yang unggul. Kesemua nilai yang dipaparkan oleh watak dipercayai dapat memberi penghayatan secara khusus. Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti paparan watak dan perwatakan dalam novel *Sarjana Bangsa* dan menganalisis konsep tarbiah Islamiah menerusi watak dan perwatakan dalam novel tersebut.

Kajian ini juga dapat dijadikan garis panduan kepada penghayatan isi novel yang bersifat Islam dan melalui watak dan perwatakan novel ini, ketamadunan dan kemajuan bangsa bangsa Melayu dapat ditingkatkan dengan menyebarkan ilmu berteraskan Islam. Oleh hal demikian, usaha pengarang novel *Sarjana Bangsa*, iaitu Hasanuddin Md Isa membawa pembaca untuk menjadi pemikir ilmu yang berlandaskan ajaran Islam. Penekanan nilai-nilai keislaman boleh dimanfaatkan oleh pembaca dan secara tidak langsung dapat membina keperibadian seseorang. Pemikiran yang rasional terhadap ajaran Islam dapat melahirkan manusia yang berbudi pekerti luhur pada masa akan datang. Secara tidak langsung, kajian watak dan perwatakan ini boleh dijadikan bahan rujukan parasiswa dan bakal-bakal pengkaji susulan novel ini bertemakan ajaran Islam agar masyarakat bangsa Melayu dapat menjadi pemimpin dan cendekiawan negara.

Kajian ini menumpukan kepada watak dan perwatakan utama dan sampingan serta konsep tarbiah Islamiah yang dibawa oleh watak-watak tersebut dalam novel *Sarjana Bangsa*. Tambahan, kajian ini merupakan kaedah kualitatif, iaitu kajian tekstual yang hanya menumpu kepada teks novel. Oleh itu, kajian ini juga dijalankan mengikut objektif kajian yang telah dinyatakan dan hanya tertumpu kepada skop tersebut. Manakala limitasi kajian ini hanya dijalankan berdasarkan enam daripada sepuluh konsep tarbiah Islamiah, iaitu tarbiah imaniyyah, tarbiah akal, tarbiah akhlak, tarbiah ruhiyyah, tarbiah politik dan tarbiah kemasyarakatan.

Kajian Literatur

Beberapa kajian lepas telah dikumpul dan dianalisis bagi mengenal pasti kelompongan kajian. Antaranya ialah sebuah kajian oleh Srikandi Samaon dan Fatimah Suber (2020) yang bertajuk *Perwatakan dalam Novel Komsas "Di Sebalik Dinara" Analisis Teori Relevan*. Kajian ini meneliti serta mengkaji perwatakan dalam novel *Di Sebalik Dinara* secara terperinci. Pada awalnya, kajian ini membincangkan definisi komsas dan perwatakan dalam novel secara jelas. Selain itu, tujuan kajian ini dijalankan untuk meneliti sifat perwatakan serta penggunaan teori relevans dalam novel ini. Penulisan ini memfokuskan kepentingan komsas dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Malahan penulisan jurnal ini juga dapat menarik perhatian remaja serta kanak-kanak untuk mendalami kesusasteraan novel ini. Di samping itu, pembaca turut mendapat kefahaman yang jelas mengenai perihal masyarakat menerusi kehidupan seharian mereka. Namun sedemikian kajian ini menggunakan teori relevans dalam perwatakan untuk memperjelaskan secara mendalam mengenai makna dalam novel tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan teks tersebut serta menganalisis perwatakan menerusi novel *Di Sebalik Dinara*. Hal ini selaras dengan pengaplikasian teori relevans dalam novel ini. Dalam kajian ini, dapat dilihat hasil analisis perbincangan perwatakan yang menekankan makna dan logik terhadap perwatakan yang dimainkan oleh watak. Secara tuntasnya, dapat dilihat bahawa kajian ini membantumenyediakan informasi dan rujukan kepada watak dan perwatakan melalui tarbiah Islamiah. Meskipun kajian ini yang dijalankan berbeza dari aspek teori namun pemahaman dari segi huraian dan perbincangan dapat memberi pengetahuan yang luas mengenai kajian ini.

Di samping itu, kajian lepas yang boleh dijadikan sandaran ialah Tuan Siti Suhadah Tuan Adnan *et al.* (2021) bertajuk *Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan dalam Cerita Rakyat dalam Kalangan Kanak-Kanak dan Remaja melalui Media Animasi*. Kajian ini berkenaan cerita rakyat yang mempunyai unsur-unsur nilai murni sekaligus mendekatkan kanak-kanak untuk menonton cerita ini. Namun demikian, kajian ini menggunakan teori pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian. Pengkaji membincangkan definisi cerita rakyat kepada generasi muda agar dapat memberikan didikan yang sempurna. Di samping itu, metodologi yang digunakan adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif dan hasil dapatan kajian ini membincangkan nilai murni seperti berbudi bahasa, kebijaksanaan, kesetiaan, kepatuhan dan merendahkan diri. Kajian ini menyenaraikan unsur-unsur nilai murni dalam cerita rakyat ini terutama memfokuskan kepada kanak-kanak supaya mereka mempengaruhi sifat atau watak yang terkandung dalam cerita ini. Keseluruhannya, kajian ini dapat dilihat mampu memberikan segala informasi dan menambah pengetahuan umum kepada pembaca. Tuntasnya, kajian ini hanya memfokuskan watak dan perwatakan serta mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu berbanding kajian yang bakal dijalankan, iaitu analisis watak dan perwatakan melalui tarbiah Islamiah.

Menelusuri kajian lepas mengenai tarbiah Islamiah oleh Fadhilatul Adabi dan Muhammed Yusof (2020) yang bertajuk *Pembangunan Mahasiswa Melalui Program Tarbiah oleh Belia Harmoni di Selangor*. Kajian ini membincangkan kepentingan program pembangunan mahasiswa untuk meningkatkan jati diri dan akhlak dalam kalangan pelajar. Seterusnya, kajian ini mengemukakan pengenalan program tarbiah yang dilaksanakan oleh Belia Harmoni. Tujuan kajian ini dilaksanakan untuk memastikan para mahasiswa menjadi insan yang berakhlak serta kepimpinan agama yang tinggi dan bertujuan memberi motivasi dan didikan diri mahasiswa untuk menjadi insan yang sempurna. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui proses temubual dan pemerhatian ke Universiti Awam. Belia Harmoni merupakan program sayap yang telah dilancarkan khusus untuk melancarkan dan menangani isu sosial dan merupakan penggerak aktiviti Ikram siswa. Oleh hal demikian, pelaksanaan program tarbiah ini dapat memupuk mahasiswa yang lebih memahami ilmu Islam. Tarbiah merupakan satu penyebaran dakwah untuk memelihara serta meningkatkan kualiti hidup dan pegangan agama dalam kalangan mahasiswa. Justeru, penulisan ini membahaskan bentuk tarbiah melalui program mahasiswa yang dilaksanakan oleh Belia Harmoni. Antara bentuk tarbiah yang dianalisis dalam kajian ini adalah *usrah*, *katibah*, *reblah* dan *nadwah*. Kajian ini menekankan tujuh bentuk tarbiah yang dilaksanakan dalam program ini. Pemupukan tarbiah ini dapat membentuk akhlak dan membimbing mahasiswa mendapat keredhaan Allah S.W.T. Secara tuntasnya, dapat disimpulkan kajian lepas ini dapat memberi idea dan pengetahuan tarbiah yang dilaksanakan dalam program ini.

Akhir sekali, kajian lepas yang boleh dijadikan rujukan bertajuk *Tarbiyah dalam Parti Islam Se-Malaysia Di Tanjung Malim, Perak: Kajian tentang Akhlak dan Masalah* yang ditulis oleh Khaled Mat (2011). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji konsep tarbiyah dalam ajaran Islam. Perbincangan kajian ini dimulakan dengan pengenalan atau definisi tarbiah secara jelas. Seterusnya, penulis juga membahaskan matlamat tarbiyah dalam kajian ini untuk menarik perhatian pembaca. Kajian ini juga menyenaraikan dua matlamat umum dan khusus untuk menghasilkan perbincangan yang menarik. Matlamat umum merupakan suatu matlamat yang hendak dikecapi oleh seseorang dengan sentiasa beribadat kepada Allah S.W.T supaya menjadi pemimpin dan khalifah di muka bumi, saling mengenali sesama manusia, memimpin ajaran Islam dengan tegas dan berani serta melaksanakan perintah Allah S.W.T sebagai hamba di bumi ini. Selain itu, matlamat khusus merupakan matlamat tarbiyah berbentuk hierarki yang dapat dilihat dari aspek keahlian, Jama'ah, kemasyarakatan dan sosial. Tambahan, jurnal ini juga

membincangkan ciri-ciri tarbiyah, iaitu sifat ketuhanan, lengkap dan sempurna. Selain itu, penulis telah menyenaraikan bentuk-bentuk tarbiyah dalam kajian ini. Antaranya, ialah tarbiah imaniyyah, tarbiah akhlak, tarbiah kemasyarakatan, tarbiah akal, tarbiah ruhiyyah, tarbiah fizikal, tarbiah politik dan tarbiah thaqafiyah. Oleh itu, kajian lepas ini dapat dijadikan sokongan dan sandaran untuk kajian yang bakal dijalankan.

Novel *Sarjana Bangsa*

Novel *Sarjana Bangsa* ini telah dikarang oleh penulis karya asli Hasanuddin Md Isa pada tahun terbitan 2015. Beliau dilahirkan di Raub, Pahang yang kini berusia 62 tahun masih giat dalam karya seni. Selain itu, novel ini telah memenangi tempat kedua dalam pertandingan Sayembara penulisan ITBM. Novel ini bertemakan kemasyarakatan yang perlu mempunyai ilmu tauhid berlandaskan al-Quran dan as-sunnah untuk menyatupadukan bangsa Melayu-Islam. Di samping itu, novel ini mengisahkan seorang Profesor Dr Muhammad Isyraf Eilmy merupakan pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang mempunyai kelulusan PhD. Beliau juga berpemikiran bernas dan petah berhujah mengenai isu bangsa Melayu dan ketamadunan bangsa yang berlandaskan ajaran tauhid serta mengesakan Allah sebagai tuhan yang satu. Tambahan, beliau juga merupakan seorang pendakwah agama yang terkemuka sehingga beliau berjaya memujuk Papa Lee dan keluarganya untuk memeluk agama Islam. Dalam satu konvokesyen pembentangan kertas kerja, Dr Isyraf Eilmy telah menerima beberapa percanggahan dalam perdebatan namun dibantu oleh ayahnya Cikgu Hassan, iaitu ayahnya. Dalam beberapa sesi pertemuan dengan Dr Saddiq, Dr Isyraf Eilmy cuba meyakinkan bahawa gagasan penyatuan kaum bertunjangan tauhid lebih sesuai ditekankan dalam kebudayaan masyarakat berbanding penyatuan dan perkongsian budaya. Dr Isyraf Eilmy membentangkan pemikiran yang hendak disampaikan dalam konvokesyen dalam satu perjumpaan dengan ahli keluarganya. Cikgu Hassan memberi pandangan mengenai sejarah peradaban Melayu yang mengukuhkan institusi kemasyarakatan manakala ibunya menceritakan sejarah penyebaran Islam yang cukup luas di Tanah Melayu. Papa Lee yang mengikuti siaran langsung konvokesyen tersebut melalui siaran televisyen berasa bangga terhadap pemikiran yang bernas yang dihujahkan oleh menantunya, Dr Isyraf Eilmy walaupun Papa Lee berada di Institut Jantung Negara kerana mengalami sakit jantung.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menjawab objektif kajian, iaitu mengenalpasti paparan watak dan perwatakan dalam novel *Sarjana Bangsa* dan menganalisis konsep tarbiah Islamiah menerusi watak dan perwatakan Dr Muhammad Isyraf Eilmy, Cikgu Hassan, Papa Lee serta Mak Normah dalam novel *Sarjana Bangsa*. Kajian ini juga menggunakan konsep tarbiah Islamiah kerana konsep ini menjurus kepada proses mentarbiah dan mendakwah masyarakat untuk menjaga hubungan akrab antara manusia dan tuhan. Walhal, tarbiah bukan hanya melihat pada aspek teori dan pemikiran sahaja bahkan turut mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna. Konsep tarbiah Islamiah bermaksud penjagaan, pengasuhan dan pendidikan berasaskan sumber al-Quran dan as-Sunnah. Selain itu, tarbiah Islamiah ini juga memfokuskan kepada aspek kehidupan manusia dengan berlandaskan tauhid dan ilmu fiqh untuk memperkukuhkan tamadun Islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada enam konsep tarbiah Islamiah yang didapati dalam novel *Sarjana Bangsa*, iaitu tarbiah imaniyyah, tarbiah akal, tarbiah kemasyarakatan, tarbiah politik, tarbiah ruhiyyah, dan tarbiah akhlak.

Menganalisis Tarbiah Islamiah menerusi Watak dan Perwatakan dalam Novel *Sarjana Bangsa*

Tarbiah Imaniyyah

Tarbiah Imaniyyah merupakan kepercayaan, iman yang meresap dalam hati serta tingkah laku dan perbuatan untuk mendekati diri kepada Allah S.W.T (Khaled Mat, 2011). Tarbiah ini juga dapat memantapkan keimanan terhadap Allah S.W.T melalui melakukan ibadah rukun Islam yang telah dimaktubkan oleh Islam. Kajian ini mendapati bahawa watak Dr Isyraf Eilmy mempunyai tarbiah imaniyyah dalam diri. Ini dapat dibuktikan melalui teks:

“Ya Allah bagi Mu segala puji, Engkaulah cahaya langit dan bumi, dengan pertolonganMu aku berdebat dengan orang kafir, Engkaulah yang mendahulukan dan mengakhirkan. Tiada tuhan yang berhak disembah kecuali Engkau.”

(*Sarjana Bangsa*: 6)

Petikan di atas memaparkan perwatakan diri Dr Isyraf Eilmy mempunyai tarbiah imaniyyah dengan menunaikan solat di awal pagi untuk ketenangan jiwa dan penggantungan penuh kepada Allah. Dr Isyraf Eilmy mempunyai keimanan yang tinggi dengan bersaksi Allah sebagai tuhan yang satu yang tiada disembah melainkanNya. Hal ini dapat dibuktikan Dr Muhammad Isyraf Eilmy mempunyai perasaan terhadap cinta terhadap Allah sehingga menjaga hubungan yang kukuh. Sebagai contoh, Dr Isyraf Eilmy berdoa selepas menunaikan solat tahajud dan mengakui bahawa Allah S.W.T adalah tuhan yang layak disembah. Ini dapat diperkukuhkan dengan ayat al-Quran surah al-Israa’:

“Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah sembahyang tahajjud padanya, sebagai sembahyang tambahan bagimu, semoga Tuhanmu membangkit dan menempatkanmu (pada hati akhirat) di tempat yang terpuji.”

(Surah al-Israa’: 79)

Tarbiah Ruhhiyyah

Tarbiah Ruhhiyyah merupakan beritizam dan beribadat kepada Allah S.W.T sehingga menikmati kejiwaan dan ketenangan manusia (Khaled Mat, 2011). Selain itu, tarbiah ruhhiyyah juga dapat membentuk jati diri yang kental kepada manusia. Tarbiah ruhhiyyah dapat dilihat dalam diri Cikgu Hassan dalam teks novel:

Cikgu Hassan membilang-bilang biji tasbih sambil mulutnya berwirid: *Subhanallah, Alhamdulillah, Allahuakbar.*

(*Sarjana Bangsa*: 273)

Petikan di atas membincangkan Cikgu Hassan mempunyai tarbiah Ruhhiyyah, iaitu jati diri yang kukuh dengan melakukan ibadah yang sunat dengan bertasbih untuk menenangkan jiwa. Cikgu Hassan memohon doa agar anaknya Dr Isyraf Eilmy mampu mendapat kejayaan dunia akhirat untuk menjadi seorang pendakwah yang mampu mengubah kehidupan Masyarakat. Hal ini dapat dibuktikan dengan watak Cikgu Hassan yang telah dianugerahkan akal fikiran yang sempurna oleh Allah S.W.T dan menjadi pemimpin masyarakat. Sifat kebergantungan kepada Allah dengan berdoa, berwirid, dan bersyukur kepada Allah merupakan tarbiah ruhhiyyah dan ini dapat diperkukuhkan dengan ayat al-Quran dalam surah Mukmin:

“Berdoalah kepadaKu, nescaya Aku akan perkenankan doamu.”

(Surah Mukmin: 40)

Tarbiah Kemasyarakatan

Tarbiah kemasyarakatan adalah mendidik, memberi khidmat latihan, nasihat kepada masyarakat (Khaled Mat, 2011). Tarbiah kemasyarakatan ini merupakan suatu ibadat untuk melakukan kebajikan kemasyarakatan seperti menjaga hubungan, berbudi mulia dengan masyarakat. Oleh kerana itu, dapat dikaji bahawa Mak Normah mempunyai sifat memberi nasihat dan bimbingan kepada anaknya Dr Isyraf Eilmy.

“Apa-apa pun kesusahan yang dihadapi itu merupakan cabaran yang perlu diredah. Belajarlah untuk menjadi seorang pengubah yang hebat,” kata Mak Normah.

(*Sarjana Bangsa: 207*)

Berdasarkan petikan di atas, Mak Normah memberi nasihat dan kata motivasi kepada anaknya agar terus memperjuangkan segala ilmu yang dimiliki. Mak Normah turut meyakinkan bahawa anaknya mampu menjadi pencorak masa hadapan untuk memartabatkan tamadun bangsa Melayu. Sebagai contoh, kata-kata motivasi yang diberikan oleh Mak Normah secara lembut telah merangsang jiwa dan hati Dr Isyraf Eilmy untuk mencapai kejayaan. Sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis yang bermaksud:

Apabila seseorang dari kamu meminta nasihat, maka nasihatilah mereka dengan santun.

(Muhammad Fu’ad al-Baqi, 2017).

Tarbiah Akal

Tarbiah akal merujuk kepada pemikiran seorang muslim untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi (Khaled Mat, 2011). Tarbiah akal ini penting agar masyarakat Islam memimpin untuk berfikir, melontarkan pendapat dan memberi idea untuk membangunkan modal insan atau tamadun Islam berlandaskan sumber-sumber sahih. Oleh itu, watak utama Dr Muhammad Isyraf Eilmy mempunyai unsur tarbiah akal dalam dirinya.

“Elok kamu sambung hujah kamu itu. Rasanya ada berbaki lagi pandangan itu” Isyraf Eilmy mengumpulkan fikiran.

(*Sarjana Bangsa, 2015: 19*)

Petikan di atas menunjukkan berlakunya Cikgu Hassan dan Dr Isyraf Eilmy berhujah mengenai topik kematian. Dr Muhammad Isyraf Eilmy meneliti dan mengambil masa untuk memberi pandangan dan idea yang bernas dan berfakta sebelum berhujah dengan ayahnya. Hal ini dapat dilihat setiap manusia haruslah mempunyai pemikiran yang rasional yang berpandukan ajaran Islam (Hasbollah Mat Saad & R. Ramalingam, 2021). Akal berperanan segala tindak-tanduk pemikiran manusia berlandaskan al-Quran agar jalan mereka tidak tersasar. Ini membuktikan bahawa Dr Isyraf Eilmy sentiasa mempunyai idea dan pandangan yang bernas terhadap topik kematian yang dibincangkan. Ini dapat diperkukuhkan dengan ayat al-Quran surah Ali Imran:

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, yaitu orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): “Ya

Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia. Maha suci Engkau. Peliharalah kami daripada azab neraka.”

Surah Ali Imran: 190-191

Tarbiah Politik

Tarbiah Politik bermaksud memimipin atau mengatur sebuah negara bertujuan kesejahteraan ummah (Khaled Mat, 2011) Tarbiah ini menekankan perhubungan baik antara Islam dan bukan Islam, menjaga hubungan dan penilaian dalam pemerintahan. Menerusi penelitian teks novel *Sarjana Bangsa*, dapat dilihat watak Dr Muhammad Isyraf Eilmy mempunyai unsur tarbiah politik dalam diri.

Sepak terajangnya dalam politik kampus menjadikan dia matang erti menegakkan keadilan, kebebasan dan kesaksamaan. Atas idealism itu jugalah dia menceburkan diri dalam perjuangan politik kepartian.

(Sarjana Bangsa: 22-23)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dijelaskan Dr Muhammad Isyraf Eilmy telah mempergiat aktif dalam politik di awal usia yang muda. Dr Muhammad Isyraf Eilmy menjadi Exco Pembangunan dalam Universiti Kebangsaan Malaysia. Tambahan, seorang pemimpin haruslah mempunyai sifat yang memberi keadilan, kewibawaan dan kebebasan dalam politik untuk memelihara tamadun Islam. Sebagai contoh, Dr Isyraf Eilmy seorang pemimpin yang setia, saksama dalam usaha membangunkan sebuah parti. Ini dapat diperkukuhkan dengan ayat al-Quran surah Sad:

“Wahai Daud! Sesungguhnya engkau Kami jadikan khalifah (penguasa di bumi, maka berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil dan janganlah engkau mengikuti hawa nafsu, kerana ia akan menyesatkan engkau dari jalan Allah. Sungguh, orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, kerana mereka melupakan hari perhitungan.”

(Surah Sad: 26)

Tarbiah Akhlak

Tarbiah akhlak bermaksud akhlak manusia yang terdiri daripada perangai, tabiat dan adab. Tarbiah akhlak juga dapat menjaga perhubungan antara masyarakat, hormat- menghormati dan sebagainya (Khaled Mat, 2011). Watak Papa Lee mempunyai sifat tarbiah akhlak menerusi teks novel di bawah:

Papa Lee selalu memikirkan maruah dan nama baik Cikgu dan Ustazah. Di Raub ini, Cikgu dan Ustazah orang yang disanjung tinggi oleh masyarakat.

(Sarjana Bangsa: 69)

Petikan di atas membuktikan Papa Lee mempunyai akhlak yang tinggi terhadap Cikgu Hassan dan Ustazah Normah. Papa Lee menghormati dan memberi sanjungan yang tinggi terhadap Cikgu Hassan dan Ustazah Normah kerana mempunyai pendidikan yang tinggi dan merupakan pendakwah yang disegani. Hal ini dapat dilihat, Papa Lee merasa tidak selesa jikalau anaknya Nurlaily tinggal bersama keluarga Cikgu Hassan walaupun belum bergelar menantu Mak Normah untuk menjaga aib dan maruah keluarga Cikgu Hassan. Menurut Fadhilatul Adabi dan Muhammad Yusof (2020), akhlak merupakan satu elemen yang penting dalam menjaga

hubungan antara manusia melalui jalinan ukhuwah. Sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis Riwayat Ahmad:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَخَيْرُهُمْ خَيْرُهُمْ لِنِسَائِهِمْ

Daripada Abu Hurairah, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya, dan yang terbaik di antara mereka adalah yang terbaik terhadap isteri-isterinya."

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, novel *Sarjana Bangsa* (2015) merupakan novel yang dapat mengangkat tamadun bangsa Melayu sekaligus dapat memelihara bangsa Melayu itu sendiri. Tambahan, novel ini membuka minda masyarakat agar sentiasa mempunyai jati diri yang kukuh dan kepercayaan agama yang kuat. Analisis kajian ini menggunakan konsep tarbiah Islamiah yang hanya menumpukan enam tarbiah Islamiah, iaitu tarbiah imaniyyah, tarbiah akhlak, tarbiah akal, tarbiah kemasyarakatan, tarbiah ruhiyyah, dan tarbiah politik menerusi watak dan perwatakan dalam novel *Sarjana Bangsa*. Tarbiah imaniyyah yang digambarkan dalam novel ini dapat meningkatkan keimanan serta hubungan dengan Allah S.W.T untuk ingat tanda kebesaran Allah. Hal ini dapat dilihat watak Dr Muhammad Isyraf Eilmy bangun menunaikan solat di awal pagi untuk mendapat redha Allah S.W.T. Seterusnya, tarbiah akhlak dalam novel ini mengajar manusia agar berakhlak mulia bagi mendapat keredhaan Allah S.W.T serta ketenangan jiwa. Seterusnya, tarbiah akhlak dalam novel ini mengajar manusia untuk terus berakhlak agar dapat membentuk keperibadian jati diri manusia dan dapat memartabatkan ketamadunan Islam. Sepertimana Papa Lee menghormati Cikgu Hassan dan Mak Normah kerana merupakan orang yang berpendidikan dan disegani serta menghormati Cikgu Hassan dan Mak normah sebagai tetamu. Manakala, tarbiah kemasyarakatan berperanan untuk mendidik muslim melalui bimbingan, nasihat, muzakarah dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat Mak Normah memberikan didikan dan bimbingan kepada anaknya untuk meneruskan ilmu keislaman kepada masyarakat untuk memeluk Islam. Di samping itu, tarbiah akal dapat didefinisikan untuk memimpin akal untuk masyarakat Islam memberi pandangan dan idea berlandaskan sumber-sumber Al-Quran dan as-Sunnah. Sepertimana Dr Isyraf Eilmy memberi pandangan dan hujahan yang bernas mengenai isu kematian bersama Cikgu Hassan untuk mendapat jawapan yang tepat. Tarbiah politik dalam novel ini merungkai kepimpinan dan mengatur suatu parti dan negara agar masyarakat Islam diberikan keadilan, saksama sebagaimana Dr Muhammad Isyraf Eilmy aktif dalam bidang politik untuk mengatur kepartian secara bijak demi masa depan bangsa. Akhir sekali, tarbiah ruhiyyah bermaksud beriltizam dan sentiasa menunaikan ibadat kepada Allah SWT untuk ketenangan jiwa dan diberkati Allah SWT. Sebagai contoh, Cikgu Hassan berzikir untuk meredakan keresahan dalam hati agar anaknya, Dr Isyraf Eilmy dapat melaksanakan hujahan ilmu di pentas arena nasional.

Rujukan

Al Quran

- Aizan Ali., & Murni Bucik. (2017). Isu dan cabaran pendidikan muslim di Malaysia *Jurnal A- Tamadun*, 12 (2), 41-49 <https://doi.org/10.22452/JAT.vol12no2.4>
- Al-Qur'an tajwid warna terjemah & Transliterawarnasi Al-Misbah*. (2017). Al Fatih.
- Ain Matmoh., Zairul Anuar., & Sim C.C. (2016). Simbolisme watak dan perwatakan berdasarkan konteks sosio-budaya masyarakat Malaysia dalam filem Ola-Bola(2016). *E-Bangi Journal of Sciences & Humanities*, 16 (6), 1- 13 <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1205>
- Ahmad Rijali. (2019). Analisis data kualitatif. *AlHadharah Jurnal Ilmu Dakwah*, 17, (33), 81-95 <http://dx.doi.org/10.18592/alhadharah.v17i33.2374>
- Anuar Mamat., & Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. Keperluan zikir dalam pembelajaran menurut manuskrip Melayu: Kajian terhadap Mss 2906 (B). *Tibyan Al- Mahram. Journal of Al-Tamaddun*, 14 (1), 37-51. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol14no1.4>
- Fahmi Abdul Hamid., Norhana Ahad., Khairul Azhar Meerangani., & Farhan Md Ariffin. (2021) Pendekatan zikir al-munfarid dalam menangani tekanan ketikapandemik covid-19. *Al-Hikmah Journal of Islamic Dakwah*, 13 (1), 21-42 <http://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/issue/view/28>
- Fakhrudin Mohd Tahir., Zulkefli Aini., & Rosmawati Rasit. (2018). Perubahan Personaliti berdasarkan faktor agama menurut perspektif Islam. *E Jurnal Of Islamic Thought and Undertaking*, 2 (1), 60-79 <http://ejitu.uitm.edu.my/>
- Fazmi Hisham., Zairul Anuar., & Imelda Chin (2019). Analisis semiotik watak dalam “Filem dari langit”. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2 (5), 122- 144 <https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/33680>
- Fadhilatul Adabi., & Muhammad Yusoff. (2020). Pembangunan mahasiswa melalui program tarbiah oleh Belia di Selangor, *Jurnal Usuluddin*, 48 (2), 95-132 <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol48no2.4>
- Hasbollah Mat Saad & Ramalinggam Rajamanicham. (2021). Maqasid memelihara akal (Hifz al-aql) dan hubungannya dengan falsafah pendidikan kebangsaan. *Jurnal Islamiyyat*, (43), 93-104. <https://ejournal.ukm.my/islamiyyat/issue/view/1398>
- Khaled Mat. (2011). *Tarbiah dalam Parti Islam Se-Malaysia di Tanjung Malim, Perak: Kajian tentang aktiviti masalah* [Tesis yang diterbitkan, Universiti Malaya]. <http://studentsrepo.um.edu.my/id/eprint/5350>
- Khairul Meerangani., Qayyum Abdul Razak., & Muaz Mohd Noor. (2021). Peranan prinsip rukun negara dalam pembentukan bangsa Malaysia. Dalam Makmor Tumin, Sharifah Hayaati Syed Ismail, & Mazlan Che Soh (Eds), *Islam dan Dinamika masyarakat sivil di Malaysia*. Universiti Malaya.
- Munawir Ismail., Muhaimin Ismail., & Mohd Izhar Arif. (2021). Mengenal pasti Perwatakan ekstremis melalui disiplin Fiqh Taayush. *Jurnal Antarabangsapengajian Islam* 43 (1) 121-134. <https://ejournal.ukm.my/islamiyyat/issue/view/1399>
- Mohd Suhari., & Mohd Farid (2018). Pembangunan spiritual dalam pelaksanaan program tarbiah di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) Pulau Pinang. *Jurnal akidah & pemikiran Islam* 20 (2) 127-158 <https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no2.4>
- Mohd Fariz Dziauddin., Nasir Nayan., & Kamarul Ismail (2016). Mengukur Perubahan segregasi kaum di Malaysia menggunakan indeks entropidan sistem maklumat geografi (GIS); Kajian kes negeri Perak bagi tempoh 1991-2000. *Malaysian journal of society and space* 12(4), 12-25 <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/2x.geografia-mac16-mohdfaris-edam1.pdf>
- Nasir Masroom., Norlina Ahmad., & Aisyah Panatik. (2013, September 17-18).

- Iman, Islam dan ihsan* [Pembentangan kertas kerja]. Seminar Pendidikan & Penyelidikan Islam, Fakulti Tamadun Islam, UTM Johor Bahru 48
- Nisar Ahmad. (2020), Definisi Melayu dalam perlembagaan persekutuan Malaysia dan kesannya terhadap kefahaman dan amalan ajaran Islam di Malaysia *Jurnal sains insani* 5 (2)- 9-16 <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/17677>
- Razak Ahmad (2021). Bangsa Melayu, krisis ilmu dan revolusi pendidikan Islam sebagai jalan pencerahan. *International journal of human and social sciences* 4(21), 10-41
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/34272>
- Shafiqah., Lukman Hakimi., Farid.,& Tengku Aini (2022). Pembentukan personalitiseimbang berdasarkan akhlak Islam :Panduan berdasarkan Al Quran dan As-sunnah. *Proceedings Science, Ethics & Civilization*, 1 (1), 65-71
<https://majmuah.com/journal/index.php/konsep/article/view/182>
- Safuan Ismail., Roskinda Abu Bakar., & Rafidah Muhammad Affendy. (2018). Cerita jenaka Melayu suatu manifestasi watak dan perwatakan positif. *Jurnal Melayu sedunia* 1(1) 296-329.
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/13409>
- Suriandi Sudi., Prof. Dr Fariza Sham & Phayilah Yama. (2020). Iman kepada Allah sebagai asas kehidupan kecerdasan spiritual Muslim. *E-proceeding of the 2nd International Conference on contemporary issues in Al Quran and hadith*.
- Srikandi Saemon., & Fatimah Subet. (2020). Perwatakan Dalam Novel Komsas “ Di Sebalik Dinara”.Analisis Teori Relevan. *Asian People Jurnal* 3(1) 84-100
<https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.155>
- Suhardi Mat Jusoh, (2015). *Pelaksanaan program tarbiah dalam kalangan pelajar asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Pulau Pinang*.
[Tesis yang Diterbitkan, Universiti Sains Malaysia]<http://eprints.usm.my/id/eprint/30165>
- Tuan Nurul Suhada., Firdaus Che Yaacob., & Samsiah Mazlan. (2021). Keberkesananunsur Watak dan perwatakan dalam kajian kanak kanak dan remaja melalui media a nimasi. *Jurnal Melayu* 20(2) 230-234
<https://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/1430>
- Zaharah Hamid., Hamdi Usman., Sofiah Samsudin.,& Nazirah Abu Zahrin. (2021).*Tarbiah Akidah dalam Surah Makiyyah melalui Kitab Nazarrat Fi Kitabillah*,. *e-jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 8(1) 143-174
<https://ejpi.kuis.edu.my/index.php/ejpi/article/view/35>
- Zulazizi Mohd Nawi. (2020). Peranan guru Pendidikan Islam dalam membawa transformasi terhadap mobiliti sosial dalam masyarakat. *Jurnal Islam Dalam Kontemporari* 21(3), 178-188
<https://www.proquest.com/scholarly-journals/peranan-guru-pendidikan-islam-dalam-membawa/docview/2628338878/se-2>